

PM harap LIMA jadi medan temu pempamer

UM 10 OCT 2001

Oleh MOHD. KAMIL YUSOFF,
MOHD. RADZI MOHD. ZAIN,

ROSNI HASSAN
dan SITI MARIAM MD. ZIN

LANGKAWI 9 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) dengan harapan ia akan menjadi medan pertemuan utama pempamer kedua-dua industri tersebut ke arah mengembangkan pasaran industri pertahanan negara dan rantau ini.

Perdana Menteri yakin LIMA yang kini memasuki edisi keenam, akan terus berperanan sebagai pasaran yang efektif untuk industri aeroangkasa dan maritim negara yang telah berkembang dengan agak membanggakan sejak ia diperkenalkan pada tahun 1991.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi memajukan kedua-dua industri tersebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

"Di bawah Pelan Induk Industri II yang berakhir pada tahun 2005, kerajaan amat komited membangunkan industri aeroangkasa dan industri pengangkutan marin sebagai cabang industri yang utama," katanya semasa berucap merasmikan LIMA 01 di sini, hari ini.

LIMA kali ini menyaksikan penyertaan 27 negara dalam pameran aeroangkasa dengan 300 syarikat mengambil bahagian manakala bagi segmen maritim disertai oleh 300 syarikat dari 22 negara.



Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Le Proton Sdn. Bhd., Datuk Mohd. Radzi Manan.

Dr. Mahathir berkata, bagi memacu pertumbuhan industri, kerajaan menumpukan kepada pembekal kelengkapan pertahanan yang menawarkan program paling menarik, khususnya penggunaan bahan tempatan serta usaha pemindahan teknologi yang lebih telus.

"Pemindahan teknologi pula perlulah memberi tumpuan kepada industri dan tidak hanya menawarkan latihan tidak produktif. Kita menggalakkan pembangunan vendor atau perkongsian dengan syarikat dalam bidang pembuatan, reka cipta serta kajian dan pembangunan, ujarinya.

Beliau yakin Malaysia mampu muncul sebagai pereka cipta dan pengeluar kelengkapan aeroangkasa seperti yang terbukti melalui pelbagai kejayaan syarikat tempatan khususnya dalam integrasi sistem dan pembangunan simulator.

Sebagai contoh, katanya,

SME Aerospace berjaya mengeluarkan pelbagai produk berasaskan logam untuk kegunaan pesawat bagi pasaran eksport, manakala Composite Technology Research Malaysia (CTRM) membangunkan Malaysia Unmanned Aerial Vehicle (UAV), iaitu pesawat ringan dua tempat duduk tanpa juruterbang yang boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan dan sebaliknya.

Bagi membantu meningkatkan lagi usaha tersebut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan menubuhkan Majlis Aeroangkasa Malaysia yang dipengeruskannya bagi menyediakan dasar, arah tuju dan sokongan terhadap pembangunan industri berkenaan.

Kerajaan juga, katanya menubuhkan Majlis Industri Pertahanan Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi membantu pembangunan industri pertahanan aeroangkasa dan pengangkutan maritim.

Menurut Perdana Menteri, melalui LIMA, para peniaga boleh mempamerkan produk dan keupayaan peralatan mereka di bawah satu bumbung kepada pelanggan antarabangsa, pembekal dan rakan-kongsi serta antara satu sama lain selain memberi peluang kepada syarikat tempatan mencari rakan kongsi global yang strategik dalam bidang teknologi.

"Saya menyeru pempamer antarabangsa, pelawat dagang dan para tetamu untuk melawat syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dan mengadakan dialog dengan mereka untuk mewujudkan hubungan perniagaan yang kukuh, ujarinya.

Dr. Mahathir berkata, LIMA boleh dijadikan pintu masuk yang berkesan kepada syarikat korporat aeroangkasa dan maritim antarabangsa untuk membina perkongsian bijak dengan syarikat tempatan untuk mewujudkan daya saing.

Katanya lagi, Malaysia mempunyai banyak kekuatan yang boleh dikongsi untuk mencapai hasrat itu selain mempunyai para pekerja yang berpendidikan, muda dan mudah dilatih.

Menurut beliau, negara kini mempunyai kemudahan khas untuk pembangunan industri teknologi maklumat dan yang berteknologi tinggi termasuk aeroangkasa.

Sementara itu, segmen maritim yang dirasmikan oleh Dr. Mahathir di Tanjung Malai, di sini petang ini turut mengetengahkan aset terbaru Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) - kapal CV-90 buatan Sweden.

Ia turut mempamerkan bot-bot dari Royal Engineer United Kingdom (UK) dan helikopter Fennec buatan Perancis.

Dr. Mahathir turut meninjau pameran di dewan pameran maritim yang disertai oleh 300 syarikat dari 22 negara.

Beliau kemudian membuat pemeriksaan armada ke atas 36 buah kapal yang mengambil bahagian dalam LIMA '01 menggunakan kapal buatan Australia, Wavemaster.

Antara kapal luar negara yang mengambil bahagian ialah HTMS Phuket, ITS Sun Giusto dan RSS Endeavour, selain kapal TLDM, KD Laksamana Hang Nadim dan KD Mahawangsa.